

TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' HALIMAH HASSAN
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM “EXECUTIVE TALK -
LEADERSHIP IN ENVIRONMENTAL MANAGEMENT AND COMMAND &
CONTROL VS SELF REGULATIONS” BAGI PEGAWAI – PEGAWAI
KANAN GRED C44 JABATAN ALAM SEKITAR
DI QUALITY HOTEL CITY CENTRE, KUALA LUMPUR

18 OGOS 2014 (SELASA)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Saudari pengacara majlis,

YBhg. Dr. Zulkifli Abdul Rahman
Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (Operasi)

YBhg. Dato'. Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim
Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (Pembangunan)

YBrs. Encik Azman Mamat
Pengarah Pentadbiran & Kewangan Ibupejabat JAS

YBrs Puan Norhayati Mohamad Yusof
Pengarah EiMAS

Pegawai-pegawai Kanan dan Pegawai EiMAS
Urusetia Kursus;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan peserta program Executive Talk ini

1. Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua maka dapat kita bersama-sama pada pagi ini di dalam Majlis Perasmian **PROGRAM “EXECUTIVE TALK - LEADERSHIP IN ENVIRONMENTAL MANAGEMENT AND COMMAND & CONTROL VS SELF REGULATIONS” BAGI PEGAWAI – PEGAWAI KANAN GRED C44 JABATAN ALAM SEKITAR.**
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Institut Alam Sekitar Malaysia, EiMAS yang mengaturkan program ini dengan kerjasama yang tinggi, semangat berpasukan dan komitmen padu yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat.
3. Pertemuan kali ini adalah merupakan satu kesempatan untuk saya menyampaikan amanat kepada anda semua iaitu kumpulan eksekutif muda yang bakal memimpin dan mencorakkan hala tuju Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada masa akan datang, eksekutif muda yang akan meneruskan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam, baik pada masa kini mahupun juga pada masa hadapan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

4. Sepertimana yang anda semua sedia maklum, program “Eksekutif Talk” ini bertujuan untuk memberikan pendedahan awal mengenai kepimpinan dalam pengurusan alam sekitar, konsep pematuhan sendiri (self regulation) dalam mengarusperdanakan agenda alam sekitar supaya mengikut kehendak dan ekspektasi Jabatan serta pelanggan dengan lebih berintegriti, proaktif dan dapat memimpin organisasinya dengan berkesan.
5. Kumpulan pegawai kategori Pengurusan dan Profesional khususnya Pegawai-Pegawai Kawalan Kanan gred C44 merupakan sebahagian daripada barisan kepimpinan yang akan mengetuai cawangan dan akan berurusan dengan banyak stakeholder. Oleh sebab itu pegawai-

pegawai seharusnya peka kepada kehendak *stakeholders* dan pelanggan. Di samping itu, seorang Pegawai kawalan Alam Sekitar Kanan yang unggul perlu memiliki nilai-nilai kepemimpinan, kemanusiaan, berhemah tinggi, berbudaya, berintegriti dan berdisiplin serta mengamalkan kerjasama berpasukan yang berkesan.

6. Terdapat beberapa kaedah kepimpinan yang boleh diteladani oleh pemimpin muda sepertimana yang ditulis oleh Daniel Goleman yang menulis artikel '*Leadership That Get Results*' dalam Harvard Business Review antaranya

- i. ***Affiliative Leaders***

Affiliative Leaders merupakan pemimpin yang suka mencipta suasana persaudaraan, muhibah dan mesra. Gaya ini menghasilkan kepuasan bekerja dan prestasi yang tinggi di samping mencipta keharmonian di kalangan anggota kumpulan kerja.

- ii. ***Democratic Leaders***

Democratic Leaders mengutamakan kata sepakat dengan melibatkan kakitangannya apabila membuat keputusan. Cara ini banyak menimbulkan suasana positif. Ia bukan sahaja menggalakkan kakitangan bawahan untuk turut menyumbang malahan mampu mencipta kemuafakatan.

- iii. ***Coaching Leaders***

Coaching Leaders pula suka membangunkan manusia untuk masa hadapan. Cara ini jarang digunakan namun sangat signifikan kerana mampu mendorong kakitangan yang dipantau mencungkil bakat masing-masing. Dalam jangka masa panjang, corak kepemimpinan sebegini akan dapat membangunkan sesebuah organisasi.

iv. ***Pacesetting Leaders***

Pacesetting Leaders merupakan pegawai yang mahukan kakitangannya pandai berfikir sendiri dan membuat yang terbaik.

v. ***Coercive Leader***

Coercive Leader pula sangat mementingkan pematuhan segera.

vi. ***Authoritative Leader***

Authoritative Leader akan menggerakkan kakitangannya dalam mencapai sesuatu visi.

7. Sebagai pemimpin generasi muda yang berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuklah menghadapi jurang generasi, Tuan-tuan dan Puan-puan perlu bijak untuk memilih kaedah kepimpinan yang terbaik. Ini bagi memastikan kepimpinan Tuan-tuan dan Puan-puan akan membawa membawa organisasi ke tahap yang lebih baik daripada sekarang.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

8. Sekarang ini kita berdepan dengan pelbagai cabaran dalam melaksanakan tugas, kita bukan sahaja diperhatikan malah segala tingkah laku yang tidak elok boleh disebarikan melalui media digital yang semakin canggih. Bagi mendepani cabaran tersebut, penjawat awam perlu melengkapkan diri dengan pelbagai disiplin ilmu pengetahuan dan kemahiran kerana ini akan membantu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan kerja.
9. Kita sebagai penjawat awam perlu bersama-sama menangani persepsi-persepsi negatif terhadap perkhidmatan awam. Peningkatan penggunaan media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter dalam menyampaikan khidmat nasihat dan urus tadbir akan

membantu meningkatkan imej perkhidmatan awam sekaligus mengembalikan keyakinan rakyat terhadap kita. Kita harus berhenti dari menggunakan cara, kaedah dan budaya yang sudah lapuk (*obsolete*) dalam menjalankan tanggungjawab kita.

10. Dalam melaksanakan agenda transformasi negara, penjawat awam berperanan sebagai *change agent* atau pemacu perubahan. Dalam konteks merakyatkan perkhidmatan awam, kita diminta supaya menjadi *thinkers*, *planners* dan *implementers* bagi menjayakan agenda perkhidmatan awam dan bersedia memberikan yang terbaik bagi memenuhi eskpetasi rakyat yang kian meningkat.
11. Penjawat awam adalah pelaksana kepada dasar-dasar dan keputusan kerajaan. Kita merupakan pelaksana yang akan menunaikan segala janji Kerajaan kepada rakyat dengan memberikan perkhidmatan yang cepat, tepat dan berkesan. Maka menjadi tanggungjawab kita untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik demi kebajikan serta kesejahteraan rakyat.
12. Justeru itu, kita mementingkan kepantasan bertindak dan membuat keputusan. Janganlah kita melengahkan apa yang mampu kita laksanakan hari ini kepada hari esok atau lusa. Mengambil petua orang tua-tua, kerja bertanggung tidak menjadi, kerja beransur tidak bertahan. Dalam konteks ini janganlah kita lambatkan apa yang kita boleh selesaikan saat ini kepada detik, minit, jam, hari, minggu, bulan mahupun tahun yang berikutnya. Sememangnya kepantasan bertindak dan membuat keputusan akan menyebabkan keyakinan rakyat bertambah kepada kerajaan.
13. Sesungguhnya kecemerlangan penjawat awam diukur bukan sahaja menerusi kecanggihan sistem dan peralatan digunakan, bahkan merangkumi budaya, nilai dan budi bahasa dalam menyampaikan tugas, selaras dengan gagasan "1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Ini merupakan antara tanggungjawab yang perlu kita pikul dan laksanakan dengan penuh tekad serta iltizam

dalam memastikan Jabatan Alam sekitar kekal relevan dalam perkhidmatan awam di negara ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

14. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak EiMAS yang telah berusaha untuk memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan lancar.
15. Harapan serta pesanan saya buat tuan-tuan dan puan-puan yang insyallah pada satu hari nanti bakal menjadi barisan kepimpinan sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat ibupejabat, bekerjalah kamu dengan hati yang tulus dan bertintegriti supaya Jabatan Alam Sekitar dihormati dan diyakini oleh semua peringkat.
16. Oleh itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **PROGRAM “EXECUTIVE TALK - LEADERSHIP IN ENVIRONMENTAL MANAGEMENT AND COMMAND & CONTROL VS SELF REGULATIONS” BAGI PEGAWAI – PEGAWAI KANAN GRED C44 JABATAN ALAM SEKITAR**
17. Sekian. Wabillahitaufik walhidayah wasalam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.